

Ulama, pemerintah bersatu hadapi globalisasi

BH - 4 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Gandingan antara ulama yang mengetahui cabaran semasa, termasuk isu globalisasi dengan pemerintah mampu mengekalkan kebebasan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh kekal kuat jika gandingan itu dikukuhkan dan ulama pula tidak hanya memutar-belitkan agama bagi kepentingan tertentu.

"Untuk mengekalkan kebebasan negara adalah sesuatu yang sukar kerana musuh adalah kuat dan mereka boleh menghasut sehingga ada antara kita boleh memihak kepada mereka," katanya ketika menyampaikan ucapan tama dan merasmikan Multaqa

Ulama Malaysia Ke-5, di sini hari ini.

Selepas menyampaikan ucapan, Dr Mahathir mengadakan dialog tertutup dengan 130 peserta yang menghadiri multaqa (perjumpaan) tiga hari itu.

Perdana Menteri berkata, jika Malaysia berjaya ditadbir dengan baik dan menjadi kuat, negara mampu membantu negara lemah lain selaras tuntutan jihad yang sebenar.

"Jihad yang sebenar ialah kita membuat perseediaan secukupnya untuk menjadi negara maju dan meluaskan pengetahuan melalui penubuhan institusi pengajian tinggi bagi menguasai semua ilmu pengetahuan.

"Apabila umat Islam kuat dan maju seperti bangsa

lain, kita akan dihormati dan tidak ada orang yang akan tindas umat Islam sama ada di negara ini atau negara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, ulama memainkan peranan penting dalam kehidupan dan pandangan mereka penting dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umat Islam.

Dalam ucapan selama 47 minit itu, Perdana Menteri turut menyentuh pembunuhan kanak-kanak Palestin oleh tentera Israel, tetapi umat Islam tidak dapat menolong kerana kelemahan diri sendiri.

Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu berjihad untuk menyelamatkan negara Islam daripada tekanan dan penjajahan melalui pelaksanaan globalisasi,

bukan membunuh dua atau tiga orang, termasuk mereka yang dikafirkan.

"Kita sedih dengan peristiwa itu dan menganggapnya satu ketidakadilan kerana kita tidak dapat berbuat apa-apa untuk membantu disebabkan kita lemah.

"Pada hari ini, semua negara Islam lemah dan tidak dapat menolong orang Islam yang menderita walaupun ada wang kerana takut kepada negara asing.

"Apa yang dilakukan (melemparkan batu) itu hanya melepaskan geram. Ia tidak akan mengurangkan penindasaan. Disebabkan tindakan seperti itu, tekanan yang diterima lebih," katanya.

Sehubungan itu, Dr Ma-

hathir berkata umat Islam perlu menguasai pengetahuan untuk melengkapkan diri dengan sistem pertanian moden setandingan negara maju.

Beliau berkata, sejarah menunjukkan umat Islam berjaya memperluaskan wilayah dan menguasai dunia kerana dapat menguasai pengetahuan dan tidak terikat setakat menafsir al-Quran dan hadis.

"Mereka betul-betul ikut kehendak agama dan berjaya menakutkan musuh dengan kekuatan ketenteraan yang ada," katanya.

Dr Mahathir berkata, antara kelemahan sesetengah orang Islam ialah mereka begitu mudah terpengaruh dengan slogan dan apa sahaja yang dibuat

atas nama Islam.

"Apabila mereka sudah menyakini atau percaya, mereka kerap menjadi pelampau atau fanatik terhadap kepercayaan itu sehingga sukar kembali ke jalan sebenar yang dituntut agama," katanya.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri turut meminta ulama peka terhadap cabaran globalisasi yang digunakan kuasa asing untuk menguasai ekonomi dan negara membangun.

"Globalisasi adalah rancangan untuk menakluk dunia sekali lagi. Mereka akan menguasai ekonomi melalui syarikat besar dan ini membolehkan mereka menentukan kuasa politik di sesebuah negara," katanya.